

Dwibahasa dalam Pengangkutan Awam Positif atau Negatif?

OLEH NUR SAHWATI AMAT

Dalam mana-mana negara di dunia, pengangkutan merupakan aspek terpenting dalam pembentukan sesebuah kerajaan, pemerintahan, pembangunan dan pengembangan sesebuah tamadun. Sesebuah negara berkembang pesat menerusi jaringan pengangkutan yang ada. Pada suatu ketika dahulu, sesebuah negara yang mempunyai jaringan pengangkutan yang lengkap dan bersistem, khususnya melalui jalan darat dan laut; dianggap mempunyai kekuatan dari aspek kerajaan dan ketenteraan. Pada ketika itu, hubungan sesebuah negara dengan negara yang lain dapat diwujudkan dengan jaringan pengangkutan yang tersedia ini.

Wanita Sahaja
Ladies Only

Di Malaysia, sejarah membuktikan bahawa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, jaringan pengangkutan yang cukup popular adalah dengan menerusi jalan laut. Hubungan Kerajaan Melayu Melaka dengan China menjadi erat apabila kedua-dua buah kerajaan membuka pintu perdagangan sehingga banyak imigran Cina mula dibawa masuk ke negara ini untuk tujuan menjana ekonomi.

Kepentingan pengangkutan kepada mana-mana negara dan kuasa di dunia tidak pernah berubah. Selain kepentingan ketenteraan, kepentingan ekonomi juga menjadi faktor utama yang membawa kewujudan jaringan pengangkutan.

Jika hendak dibandingkan Malaysia dengan negara Asia yang lain, seperti Jepun dan Korea, perkembangan pengangkutan di negara ini bergerak secara perlahan. Ketika Jepun mencipta kehebatan dengan pembinaan kereta api laju bawah tanah, Malaysia sekitar 1990-an baru sahaja merancang membina kereta api sistem transit aliran ringan (LRT). Sebelum itu, kita boleh berbangga dengan perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB), dan pada tahun 1995, kerajaan memperkenalkan pula KTM Komuter yang merupakan perkhidmatan kereta api elektrik yang lebih cepat dan efisien.


Pengangkutan di Malaysia mula dimajukan semasa pemerintahan penjajahan British. Kini, pengangkutan bukan sahaja berupaya mengembangkan ekonomi, tetapi penggunaannya semakin luas dan maju. Rangkaian jalan raya Malaysia yang merangkumi 63 445 kilometer, termasuk 1630 kilometer lebuh raya membolehkan rakyat di negara ini bergerak secara efisien dan merentas antara satu negeri ke negeri yang lain di Semenanjung Malaysia dan Sabah, serta Sarawak melalui pengangkutan udara.

Pengangkutan rel di Malaysia juga merupakan satu aspek utama bagi rangkaian pengangkutan di Malaysia. Pengangkutan rel bermula pada tahun 1885 dengan pembukaan aliran kereta api yang pertama di antara Taiping dengan Port Weld (sekarang Kuala Sepetang). Kini, pengangkutan rel ini semakin berkembang yang terdiri daripada rel berat (termasuklah rel kelajuan tinggi), LRT dan monorel. Rel berat digunakan untuk pengangkutan penumpang antara bandar dengan muatan dan pengangkutan awam, manakala LRT digunakan untuk pengangkutan dalam bandar dan penggunaan khas, seperti pengangkutan antara lapangan terbang.

Terdapat aliran landasan kelajuan tinggi dengan dua perkhidmatan tren kelajuan tinggi di antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dikenali sebagai Express Rail Link Sdn Bhd (ERL). Rangkaian landasan kereta api (KTMB) pula meliputi semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Terengganu. Di Malaysia Timur, Sabah mempunyai landasan kereta api yang dimiliki Jabatan Kereta Api Negeri Sabah, manakala Sarawak tidak mempunyai perkhidmatan kereta api.

Pada hari ini, pengangkutan awam di negara ini melalui pelbagai fasa transformasi. Dari tahun ke tahun, kerajaan melakukan pelbagai usaha untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang terbaik kepada rakyat. Sudah tentu, demi mencapai status negara maju, Malaysia mahu tidak mahu harus dapat menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang terbaik. Pengangkutan awam merupakan nadi ekonomi dan pembangunan negara yang paling utama. Tanpa pengangkutan yang efisien, keuntungan ekonomi tidak mungkin dapat diraih dan imej Malaysia di mata dunia tidak dapat diluaskan.

Di Semenanjung Malaysia, ERL dan LRT menjadi pilihan pengangkutan yang utama bagi penduduk bandar. Hal yang demikian juga dengan KTM Komuter, bas dan teksi. Lebih membanggakan lagi, KL Sentral yang dibina oleh kerajaan pada April 2001 berjaya menghubungkan banyak destinasi di seluruh Malaysia. Sebagai hub transit terbesar di Malaysia, KL Sentral ternyata menyediakan kemudahan bertaraf dunia kepada rakyat Malaysia dan pelancong yang datang ke negara ini. KL Sentral menjadi pusat integrasi perhubungan pengangkutan berlandaskan penyediaan



Jepun merupakan negara peneraju dalam teknologi kereta api kelajuan tinggi, namun mereka tidak pernah meminggirkan bahasa ibunda.

kemudahan dari kawasan bandar, penempatan penduduk, kawasan komersial dan kawasan perindustrian. KL Sentral juga menyediakan kemudahan sambungan terus ke KLIA, Putrajaya dan Cyberjaya.

Menyadari bahawa pengangkutan awam merupakan "wajah" sesebuah negara, banyak negara di dunia berlumba-lumba menyediakan pengangkutan awam berteknologi tinggi dan termoden. Semakin berteknologi pengangkutan awam yang disediakan oleh sesebuah negara, semakin tinggilah prestasi ekonomi dan pelancongan yang dapat diraih.

Mengambil contoh Jepun, sebagai negara peneraju dalam teknologi kereta api kelajuan tinggi, Jepun berjaya membuka landasan kereta api kelajuan tinggi pertama di dunia pada tahun 1964. Jepun memulakan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi dengan memperkenalkan Tokaido Shinkansen "bullet train" yang mampu mencapai kelajuan sehingga 160mph dan menjadi jaringan kereta api paling sibuk di dunia, dengan 378 ribu orang penumpang setiap hari.

Begitu juga di Itali yang memperkenalkan ETR 500, iaitu kereta api paling pantas di Itali yang mencatatkan rekod kelajuan 225 batu sejam pada tahun 2009 dalam perjalanan dari Florence ke Bologna. Hal yang demikian juga berlaku di Jerman. Negara ini antara pelopor teknologi kereta api berkelajuan tinggi di dunia. Sebagai tanah kelahiran syarikat Siemens, iaitu pembuat kereta api kelajuan tinggi terbesar di dunia, maka tidak hairanlah Jerman berbangga dan dikagumi kerana memiliki kereta api antara yang terhebat di dunia.

Kehebatan pengangkutan awam di Jepun, Itali dan Jerman, bukan sahaja diakui menerusi teknologi yang digunakan, tetapi pengangkutan awam di negara tersebut menerapkan budaya dan jati diri negara masing-masing. Bagi negara Jepun, mewakili wajah negara mereka, pengangkutan awam di negara itu dikendalikan dengan menggunakan bahasa dan tulisan rasmi Jepun, iaitu tulisan Kanji. Dalam bidang teknologi, Jepun merupakan negara termaju dalam bidang telekomunikasi, kejenjeraan dan robotik, tetapi negara ini tidak pernah mengetepikan bahasa rasminya. Semangat orang Jepun cukup luar biasa dan mereka begitu berbangga dengan bahasanya sehinggakan bahasa rasmi

Jepun diutamakan dalam semua urusan harian mahupun dalam pekerjaan.

Oleh itu, bukanlah sesuatu yang asing bagi pelancong yang datang ke Jepun untuk bertutur dalam bahasa Jepun meskipun hanya sekadar mempelajari pertuturan asas sebelum mengunjungi negara matahari terbit itu. Bermula daripada lapangan terbang, perkhidmatan teksi, kereta api, arah jalan, hotel dan tandas, Jepun amat mengangkat bahasanya dengan penuh bangga, dan yakin bahawa bahasa Jepun berjaya memajukan bangsa Jepun.

Dalam hal ini, bukan sedikit pelancong yang mengadu bahawa mereka bimbang akan kelancaran perjalanan mereka di negara tersebut, namun ketika berada di Jepun, negara itu membuktikan bahawa meskipun bahasa Jepun mendominasi sektor pelancongan ditambah pula dengan budaya orang Jepun yang hanya akan bertutur dalam bahasa ibunda mereka, perjalanan pelancong tidak akan terjejas. Hal ini dikatakan demikian kerana Jepun menjamin pengangkutan awam yang efisien meskipun menggunakan arah jalan dan jadual perjalanan menggunakan bahasa Jepun.

Kebanggaan bangsa Jepun terhadap bahasanya dan kemajuan tamadun negara itu akhirnya memaksa dunia menerima bahasa mereka sebagai antara bahasa penting di dunia. Tulisan Jepun yang diletakkan di papan penyata lapangan terbang mahupun pusat komersial serta kawasan tumpuan orang ramai tetap dihormati.

Salah seorang rakan penulis menceritakan pengalamannya berkunjung ke Itali pada November 2015. Sepanjang beliau berada di negara yang menyimpan khazanah dan perjalanan tamadun yang terindah di dunia itu, beliau banyak menggunakan pengangkutan awam yang utama, iaitu kereta api Direttissima Itali. Kereta api ini dilancarkan



Persoalannya, di manakah letaknya bahasa Melayu dalam sistem pengangkutan awam di Malaysia? Apakah bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pengangkutan awam di negara ini?

bagi melalui bandar Rome dan Florensia. Rakan penulis menceritakan pengalamannya menaiki kereta api tersebut yang sedikit sukar, tetapi berjaya dikawal dengan bantuan pegawai yang bertugas di stesen kereta api tersebut. Tidak ada iklan bersaiz mega yang dipaparkan di stesen kereta api menggunakan bahasa Inggeris. Lebih menghairankan, pegawai yang bertugas di stesen kereta api di Stesen Central Termini, Rome, hanya mahu bertutur dalam bahasa ibunda mereka dan memilih untuk tidak berbahasa Inggeris.

"Tidak ada papan tanda yang menggunakan bahasa Inggeris. Jika ada sekalipun semuanya menggunakan bahasa yang mudah. Pengumuman yang dibuat di dalam kereta api juga tidak menggunakan bahasa Inggeris, tetapi bahasa rasmi Itali. Agak sukar, tetapi inilah yang perlu kita pelajari. Sistem pengangkutan awam mereka cukup hebat dan efisien dan mereka membuktikan kehebatan pengangkutan awam mereka tanpa perlu mengagungkan bahasa yang lain," ujar sahabat penulis.

Persoalannya, di manakah letaknya bahasa Melayu dalam sistem pengangkutan awam di Malaysia? Apakah bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pengangkutan awam di negara ini?

ERL merupakan antara pengangkutan utama yang menghubungkan KLIA dengan pusat bandar raya Kuala Lumpur. Cara pengguna yang menggunakan perkhidmatan ERL, untuk tempoh 28 minit (perjalanan sehalu dari KLIA ke pusat bandar), akan disajikan dengan tayangan menerusi televisyen yang mempromosikan Malaysia dari pelbagai sudut, antaranya lokasi yang menarik, pakej yang

ditawarkan, makanan tradisi rakyat Malaysia, perayaan rakyat Malaysia dan pelbagai program yang disediakan untuk pelancong yang datang. Malangnya semua maklumat yang salurkan menggunakan bahasa Inggeris. Tidak ada satu maklumat pun yang disampaikan menggunakan bahasa Melayu.

Pada masa yang sama, pengumuman melalui pembesar suara untuk memaklumkan tempoh perjalanan dan destinasi menggunakan dwibahasa, iaitu bahasa Inggeris diikuti dengan bahasa Melayu. Hal yang sama juga turut berlaku dalam kebanyakan pengangkutan awam di Kuala Lumpur. LRT, KTMB dan Komuter, rata-rata menggunakan dwibahasa ketika membuat pengumuman tentang destinasi perjalanan penumpang, malah pembelian tiket perjalanan menggunakan mesin juga menggunakan bahasa Inggeris. KL Sentral sebagai hub pengangkutan turut menggunakan dwibahasa ketika melakukan pengumuman perjalanan pengangkutan yang disediakan. Begitu juga, tanda arah dan petunjuk yang secara jelas menggunakan dwibahasa.

Memang tidak dapat dinafikan penggunaan dwibahasa dalam pengangkutan awam lebih memudahkan pengguna, khususnya pelancong yang datang. Hal ini dikatakan demikian kerana kita telah lama menanam persepsi yang salah bahawa bahasa Melayu itu tidak boleh berdiri sendiri dan bukan bahasa antarabangsa. Maka, apa-apa sahaja yang kita lakukan, khususnya untuk memajukan negara ini perlu bersulamkan bahasa Inggeris.

Pada hakikatnya, kita terlupa bahawa kemajuan sesebuah negara bukan didasari bahasa Barat, khususnya bahasa Inggeris. Jepun, Jerman, Korea, dan China telah membuktikan bahawa bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda mereka telah berjaya meletakkan mereka sebagai bangsa yang maju, dikagumi dan berjaya di mata dunia. PB

